

**Wan Ahmad: Anwar terlibat dalam proses pemansuhan undang-undang calon tarik diri**

**Malaysian Insider**

**April 24, 2013**

**Oleh Mohd Farhan Darwis**

JOHOR BARU, 24 April — Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak seharusnya mempersoalkan undang-undang penarikan diri calon, kerana beliau turut terlibat dalam proses pembuatan keputusan berkenaan di Parlimen, kata Datuk Wan Ahmad Wan Omar.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu menegaskan peraturan “tempoh tiga hari” untuk calon yang bertanding pilihan raya menarik diri telah dipinda ketika Sidang Dewan Rakyat di Parlimen pada 2011.

“Itu undang-undang baru yang kita pinda pada 2011. Dulu ada tempoh tiga hari calon tarik diri.

“Akibat banyak sangat karenah, SPR tak boleh cetak kertas undi, sebaliknya perlu tunggu hari keempat,” tegasnya kepada pemberita.

Wan Ahmad juga kesal dengan sikap Anwar kerana seharusnya beliau memahami perkara itu memandangkan proses itu dilakukan mengikut Perlembagaan di Dewan Rakyat.

“Ini bukan keputusan budi bicara SPR, ini undang-undang diluluskan di Parlimen.

Anwar sebelum ini menyifatkan SPR mempunyai masa yang cukup untuk membatalkan nama calon yang mengisytiharkan tarik diri kerana proses pilihan raya adalah “hanya” untuk memilih calon.

“Saya tak faham kenapa SPR tak boleh nak batalkan kerana pilihan raya adalah soal calon yang diumumkan oleh parti dan SPR mempunyai masa yang cukup untuk dibatalkan,” kata Anwar.

Isu itu timbul selepas beberapa kerusi ditandingi parti komponen Pakatan Rakyat (PR), PAS dan DAP yang bertanding atas satu kerusi kemudian ada beberapa di antara mereka memutuskan untuk menarik diri dan memberi laluan kepada rakan komponen mereka.

Perkara itu bagaimanapun menimbulkan kekeliruan kerana SPR berkata kertas pengundian telah pun dicetak dan nama calon yang telah disahkan bertanding telah dicetak serta tidak akan dipadam.

“Anwar patut faham, banyak kebaikan bila kita pastikan calon yang bertanding tak boleh tarik diri,” tegasnya ketika sidang media selepas lawatan ke Pusat Mengundi Parlimen Gelang Patah di sini.

Tambahnya Wan Ahmad, calon yang mengambil keputusan untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13) juga seharusnya berfikir dengan mendalam supaya tidak timbul isu mereka ingin menarik diri selepas disahkan bertanding oleh Pengurus Pilihan Raya pada hari penamaan calon.

“Nak menjadi calon dlm pilihan raya perlu fikir habis-habis, jangan gunakan platform geram, balas dendam dan cuba menguji populariti.

“Pilihan raya adalah perkara yang serius, bukan nak lantik ketua kelas,” tambahnya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/wan-ahmad-anwar-terlibat-dalam-proses-pemansuhan-undang-undang-calon-tarik-diri/>